

NO. SOALAN : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]

TARIKH : 21 MAC 2016

SOALAN :

YB. Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memansuhkan khidmat pemandu pelancong bagi lawatan pelajar sekolah dalam negara. Ini disebabkan lawatan pelajar sekolah telah dirancang oleh guru pengiring dan memandangkan kos pemandu pelancong agak tinggi dan tidak berfungsi ketika lawatan pelajar sekolah, hal ini pastinya akan membebankan pihak sekolah dan pengusaha bas sekolah ketika musim cuti sekolah.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) tidak berhasrat memansuhkan khidmat pemandu pelancong di Negara ini yang bertindak sebagai duta kecil dalam memberi gambaran imej sebenar Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang harus dikunjungi. Penceritaan pemandu pelancong mengenai sejarah, warisan, budaya, agama, makanan tempatan dan sebagainya semasa membawa sekumpulan pelancong dari luar negara atau tempatan memberi gambaran secara tidak langsung keunikan dan keindahan Malaysia sebagai sebuah destinasi pilihan utama pelancong.

Dalam hubungan ini, bagi tujuan lawatan pelajar sekolah ke pusat-pusat tarikan pelancong menggunakan bas sekolah hendaklah menggunakan khidmat pemandu pelancong seperti mana kehendak seksyen 6(1)(i)(iii), Peraturan-peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992 iaitu:

“melainkan jika diluluskan sebaliknya oleh Pesuruhjaya, dia hendaklah menggunakan khidmat seorang pemandu pelancong dalam negeri berlesen bagi tiap-tiap pelancongan yang dikelolakan atau diaturkan olehnya”.

Walau bagaimanapun, Kementerian membenarkan pihak penganjur untuk memohon pengecualian khidmat seorang pemandu pelancong selaras dengan seksyen 6(1)(i)(iv), Peraturan-peraturan yang sama iaitu:

“dia hendaklah memohon kepada Pesuruhjaya untuk kelulusan untuk tidak menggunakan khidmat seorang pemandu pelancong berlesen dan hendaklah membayar fi pemprosesan sebanyak dua puluh ringgit bagi permohonan sedemikian”.

Pemohonan pengecualian khidmat pemandu pelancong ini boleh dipohon di Bahagian Pelesenan, KPK Putrajaya dan Ibu pejabat KPK Negeri di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.